



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
(AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
(ACADEMIC AND DEVELOPMENT)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706401
Faks (Fax): 603-88706842
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT (A) 1000/013/013/02 Jld. 23 (62)
Tarikh: 19 Mei 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN BERHUBUNG KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, Jabatan ini telah menerima pelbagai bentuk permohonan program akademik baharu dan semakan kurikulum daripada Universiti Awam (UA) untuk pertimbangan Mesyuarat JKPT seperti pertambahan jumlah jam kredit, konsolidasi/segregasi program akademik, pertambahan lokasi penawaran program akademik dan sebagainya. Namun begitu, terdapat permohonan yang tidak dapat dipertimbangkan kerana memerlukan tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak UA.

3. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.1/2022 telah bersetuju untuk menetapkan beberapa penambahbaikan yang perlu diambil kira oleh pihak UA seperti di **Lampiran A** sebelum menghantar permohonan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi. Ini adalah untuk melancarkan lagi proses pembangunan program akademik di UA serta membantu ahli JKPT memberi penilaian yang tepat dan wajar.

4. Di samping itu, sukacita diingatkan agar permohonan program akademik baharu dan semakan kurikulum program akademik perlu juga mematuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF), Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) dan standard program berkaitan yang diurus tadbir oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) serta manual/garis panduan badan profesional (jika berkaitan).



5. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan juga, surat ini merupakan pemakluman tambahan dan perlu di baca bersama-sama Buku Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/ Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. IR. DR. ROBIAH BINTI YUNUS)

s.k.:

Fail

SENARAI EDARAN NAIB CANSOLOR/REKTOR:

1. **YBHG. DATO' PROF. IR. DR. MOHD HAMDY ABD. SHUKOR**
Naib Canselor
Universiti Malaya (UM)
Aras 9, Bangunan Canseleri
50603 **KUALA LUMPUR**
2. **YBHG. DATO' PROF. DR. FAISAL RAFIQ MAHAMAD ADIKAN**
Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia (USM)
Aras 6, Bangunan Canseleri
11800 **PULAU PINANG**
3. **YBHG. DATO' PROF. TS. DR. MOHD. EKHWAN HJ. TORIMAN**
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Aras 6, Bangunan Canseleri
43600 Bangi
SELANGOR
4. **YBHG. PROF. DATO' DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN**
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Tingkat 4, Bangunan Canseleri Putra
43400 Serdang
SELANGOR
5. **YBHG. DATUK PROF. TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL**
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
6. **YBHG. TAN SRI DATO' PROF. EMERITUS DZULKIFLI ABDUL RAZAK**
Rektor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Aras 4, Bangunan Rektor
Kampus Gombak
53100 **SELANGOR**

7. **YBRS. PROF. DR. HAIM HILMAN ABDULLAH**
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia (UUM)
Aras 5, Bangunan Canselori
06010 Sintok
KEDAH
8. **YBHG. DATUK PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Aras Penthouse, Bangunan Canselori
94300 Kota Samarahan
SARAWAK
9. **YBHG. DATUK PROF. DR. TAUFIQ YAP YUN HIN**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Aras 6, Blok Selatan, Bangunan Canselori
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu
SABAH
10. **YBHG. DATO' PROF. DR. MD AMIN MD TAFF**
Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjung Malim
PERAK
11. **YBRS. PROF. TS. DR. SHARIFUDIN MD. SHAARANI**
Menjalankan Fungsi Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Pejabat Naib Canselor
Aras 5, Bangunan Canselori
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN
12. **YBHG. DATUK PROF. TS. DR. ROZIAH MOHD JANOR**
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Aras 6, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam
SELANGOR

- 13. YBHG. DATO' PROF. DR. MAZLAN ABD. GHAFAR**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU
- 14. YBRS. PROF. TS. DR. RUZAIRI ABDUL RAHIM**
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR
- 15. YBRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
MELAKA
- 16. YBHG. DATO' PROF. TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Aras 3, Canseleri Tun Abdul Razak
26600 Pekan
PAHANG
- 17. YBRS. LT. KOL. PROF. TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Aras 4, Bangunan Canselori
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra
02600 Arau, PERLIS
- 18. YBRS. PROF. DR. FADZLI ADAM**
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
TERENGGANU

19. **YBRS. PROF. DR. RAZLI CHE RAZAK**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300 Bachok
KELANTAN
20. **YBHG. LT. JEN. DATUK HASAGAYA BIN ABDULLAH**
Naib Canselor
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
57000 Kem Sungai Besi
KUALA LUMPUR

SENARAI EDARAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR/ TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA):

1. **YBRS. PROF. DR. YATIMAH ALIAS**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaya (UM)
Lembah Pantai
50603 KUALA LUMPUR
2. **YBHG. PROF. DATO' DR. NARIMAH SAMAT**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Aras 6, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 PULAU PINANG
3. **YBRS. PROF. DR. MOHAMMAD KASSIM**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 Bangi
SELANGOR
4. **YBRS. PROF. DR. ISMI ARIF ISMAIL**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
SELANGOR
5. **YBRS. PROF. SR. DR. HISHAMUDDIN BIN MOHD. ALI**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Skudai
JOHOR
6. **YBRS. PROF. DR. AHMAD FARIS ISMAIL**
Timbalan Rektor (Akademik dan Jaringan Industri)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Aras 4, Bangunan Rektor
Kampus Gombak
53100 SELANGOR

7. **YBRS. PROF. DR. SHAHIMI MOHTAR**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia (UUM)
Aras 4, Bangunan Canselori
06010 Sintok
KEDAH
8. **YBRS. PROF. DR. AHMAD HATA RASIT**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Aras 6, Bangunan CAUH Kampus Barat
94300 Kota Samarahan
SARAWAK
9. **YBRS. PROF. DR. RASID MAIL**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Aras 6, Blok Selatan, Bangunan Canselori
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu
SABAH
10. **YBRS. PROF. DR. MARZITA PUTEH**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim
PERAK
11. **YBRS. PROF. DR. MOHD RADHI IBRAHIM**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN
12. **YBRS. PROF. DATIN DR. SUZANA SULAIMAN**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam
SELANGOR

13. **YBRS. PROF. TS. DR. MOHD ZAMRI IBRAHIM**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU
14. **YBRS. PROF. DR. AZME KHAMIS**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja
Batu Pahat
JOHOR
15. **YBRS. PROF. DR. ZULKIFILIE IBRAHIM**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
MELAKA
16. **YBRS. PROF. TS. DR. MOHD ROSLI BIN HAININ**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Aras 2, Canseleri Tun Abdul Razak
26600 Pekan
PAHANG
17. **YBRS. PROF. DR. MOHD. YUSOFF MASHOR**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Tingkat 11, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar
PERLIS
18. **YBRS. PROF. DR. ZUHAIRAH ARIFF ABD GHADAS**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
TERENGGANU

- 19. YBRS. PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Jabatan Canselori
16300 Bachok
KELANTAN
- 20. YBHG. PROF. DATO' DR. TS AHMAD MUJAHID BIN AHMAD ZAIDI**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
57000 Kem Sungai Besi
KUALA LUMPUR

A. PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU

- i. Pembangunan program akademik baharu boleh dilaksanakan secara mod industri, *Work-based Learning* (WBL), *Structured Internship Program* (SIP), Co-op dan sebagainya bagi meningkatkan pengalaman pelajar di industri dalam meningkatkan pengalaman pelajar berada di industri sejak di awal pengajian. Program akademik baharu juga digalakkan untuk menerapkan pensijilan profesional bagi memberi lebih nilai tambah kepada pelajar.
- ii. Pembangunan kurikulum juga perlu menerapkan inisiatif *Experiential Learning And Competency Based Education Landscape* (EXCEL) yang berfokuskan kepada kaedah pembelajaran pendidikan berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan kompetensi (*competency based education*) yang diterapkan dalam keempat-empat terasnya iaitu *Industry Driven Experiential Learning* (IDEAL); *Community Resilience Experiential Learning* (CARE); *Research Infused Experiential Learning* (REAL); dan *Personalised Experiential Learning* (POISE). Inisiatif EXCEL ini adalah penting bagi memastikan program akademik yang ditawarkan adalah kekal relevan dengan keperluan pasaran.
- iii. Kajian pasaran perlu dijalankan secara menyeluruh dengan bilangan responden hendaklah **melebihi 90 orang** bagi mendapatkan maklum balas yang terperinci daripada pemegang taruh berhubung keperluan program akademik baharu tersebut.

B. PEMATUHAN KEPADA BIDANG TUJAHAN (*NICHE AREA*) MENGIKUT PERINTAH PEMERBADANAN/PENUBUHAN UNIVERSITI AWAM (UA) BAGI PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK

- i. Program akademik yang hendak ditawarkan oleh universiti awam (UA) hendaklah selari dengan bidang tujuan berdasarkan kepada Perintah Pemerbadanan/Penubuhan Universiti Awam.

- ii. Penawaran program akademik yang tidak selari dengan bidang tujuan akan menyebabkan pertindihan program, pembaziran sumber manusia, kewangan dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, atas faktor keupayaan dan kepakaran semasa UA, di dapati bahawa terdapat perubahan bidang tujuan UA.
- iii. Sehubungan itu, diharapkan pihak UA dapat memastikan penawaran program akademik hendaklah selari dengan bidang tujuan/ fokus/ kepakaran UA agar sumber dalaman dan kepakaran dapat digunakan secara optimum.

C. PENETAPAN YURAN PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH MOD KERJA KURSUS DAN CAMPURAN

- i. Kadar yuran yang ditetapkan adalah minimum RM18,000.00 bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah mod kerja kursus dan campuran. Kadar ini dilihat sangat relevan bagi memastikan kelangsungan operasi dan pembangunan universiti di masa hadapan.
- ii. Walau bagaimanapun, pihak UA boleh mempertimbangkan penawaran biasiswa bagi membantu pelajar.

D. SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM AKADEMIK

- i. Bagi semakan kurikulum program akademik yang mempunyai kebolehpasaran (*Graduate Employability*, GE) yang rendah iaitu di bawah 75%, pihak UA perlu memberi maklumat tambahan berhubung penambahbaikan yang telah dilakukan untuk meningkatkan GE pelajar pada masa akan datang.
- ii. Jumlah jam kredit yang tinggi bagi program akademik yang tidak melibatkan badan profesional perlu disemak semula agar ianya adalah minimum serta tidak membebankan pelajar. UA juga perlu menyemak semula kandungan kurikulum program akademik tersebut dengan menggabungkan kursus yang bertindan atau menggugurkan kursus yang tidak lagi relevan.
- iii. Pihak UA juga perlu mengemukakan pelan pengajian asal dan baharu dalam bentuk jadual perbandingan bagi program akademik yang telah disemak sebagai maklumat tambahan.

E. KONSOLIDASI DAN SEGREGASI PROGRAM AKADEMIK

- i. Pihak UA perlu mengadakan perbincangan dengan pihak MQA terlebih dahulu berhubung proses konsolidasi/segregasi program akademik sebelum permohonan dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat JKPT.
- ii. Perkara ini adalah bertujuan untuk memastikan agar penamaan program dan pemetaan *National Education Code* (NEC) yang dilakukan selepas program tersebut dikonsolidasi/disegregasi adalah teratur, tepat dan betul.
- iii. Perkara ini juga turut terpakai kepada UA yang berstatus swa-akreditasi.

F. PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SECARA FRANCAIS DAN PESISIR DENGAN IPT DALAM DAN LUAR NEGARA

- i. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) Bil.2/2021 pada 13 Julai 2021 yang lalu telah bersetuju supaya proses kelulusan program kerjasama secara francais UA dengan mana-mana IPT francais perlu ditambah baik dan diseragamkan iaitu dicadangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) sebagaimana proses kelulusan program akademik biasa.
- ii. Ini adalah kerana melalui JKPT, pandangan kesesuaian pelaksanaan suatu program kerjasama akan disemak oleh semua pihak berkepentingan dan satu keputusan yang kolektif dan telus dapat ditentukan.
- iii. Surat Pemakluman berkaitan Garis Panduan Program Kerjasama Secara Francais Universiti Awam (UA) dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Dalam Negara dan Luar Negara (Edisi 2021) yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2021 juga telah diedarkan kepada UA melalui surat bil. JPT(A)1000/016/018/18 Jld.4(24) bertarikh 30 Julai 2021.
- iv. Bagi program akademik yang melibatkan pengiktirafan badan profesional, pihak UA perlu mendapatkan pandangan daripada badan profesional yang berkaitan agar permohonan tersebut memenuhi keperluan dan dasar yang sedang berkuat kuasa.

- v. Pihak UA juga perlu membuat audit di lokasi penawaran program akademik tersebut bagi memastikan fasiliti yang tersedia adalah kondusif bagi sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Maklumat berhubung audit lokasi yang dijalankan ini juga perlu dikemukakan bersama permohonan untuk pertimbangan Mesyuarat JKPT.

G. PEMUTIHAN PROGRAM AKADEMIK UA

- i. Pemutihan merujuk kepada proses pengesahan kewujudan program akademik di UA yang tidak mempunyai kelulusan penawaran program akademik oleh KPT.
- ii. Jabatan ini melalui surat rujukan JPT(A) 1000/013/013/02 Jld. 22 (52) bertarikh 25 April 2018 telah melaksanakan proses pemutihan bagi program akademik UA yang tidak mempunyai perakuan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan seperti MQA, PTPTN dan sebagainya.
- iii. Justeru itu, Jabatan ini telah melaksanakan proses pemutihan program akademik UA secara *one-off* pada tahun 2018 bagi peringkat pengajian Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah yang wujud sebelum tahun 2014 tetapi tidak mempunyai kelulusan JKPT.
- iv. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat UA yang masih mempunyai program akademik yang tidak mendapat kelulusan JKPT walaupun proses pemutihan tersebut telah pun dilakukan pada tahun 2018.
- v. Selaras dengan perkara ini, Jabatan ini sekali lagi bersetuju untuk memberi kelulusan secara *one-off* kepada UA yang masih mempunyai senarai program akademik yang perlu melalui proses pemutihan.
- vi. Permohonan pemutihan program akademik hendaklah dihantar ke Jabatan ini dengan menggunakan templat seperti di **Jadual 1** beserta dengan surat iringan daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UA masing-masing sebelum atau pada **6 Oktober 2022 (Khamis)**.

- vii. Program akademik yang tidak mempunyai kelulusan penawaran oleh KPT selepas daripada tarikh tutup tersebut perlu dikemukakan sebagai permohonan program akademik baharu.

H. PENGEMASKINIAN PROGRAM AKADEMIK DI DAFTAR KELAYAKAN MALAYSIA (*MALAYSIAN QUALIFICATIONS REGISTER, MQR*)

- i. MQR merupakan sumber rujukan dan panduan berkaitan program pendidikan tinggi yang telah diakreditkan dan dianugerahkan oleh pemberi pendidikan tinggi samada dari dalam atau luar negara. Program atau kelayakan ini hendaklah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) dan termasuk semua peringkat iaitu sijil, diploma, diploma lanjutan dan ijazah atau yang setaraf dengannya.
- ii. Walau bagaimanapun, masih terdapat program akademik tidak dikemaskini di dalam sistem MQR. Sehubungan itu, pihak UA hendaklah memastikan maklumat berhubung program akademik di MQR telah dikemaskini supaya dapat menjadi rujukan yang lengkap oleh semua pihak yang memerlukan.

I. PENGGUNAAN NEC 2020

- i. KPT telah membangunkan Kod Pendidikan Nasional (*National Education Code-2020*) (NEC 2020) berpandukan kepada *International Standard Classification of Education (ISCED-F)* 2013 yang dikeluarkan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* namun telah disesuaikan dengan program dan latihan yang terdapat di negara ini. NEC-2020 ini akan menggantikan Kod Pendidikan Nasional sedia ada yang diguna pakai dari tahun 2010 sehingga kini.
- ii. Selaras dengan surat siaran bil. KPT.100-15/2/2(12) bertarikh 24 September 2021 yang dikeluarkan oleh KPT, semua institusi pendidikan dan latihan, kementerian serta agensi yang menawarkan pendidikan dan latihan perlu mengguna pakai NEC-2020 berkuat kuasa 1 Januari 2022. Semua institusi perlu melaksanakan pindaan di dalam pengkalan data sistem

masing-masing bagi membolehkan pemetaan data atau pewujudan medan data baharu program pengajian untuk NEC-2020.

- iii. Sehubungan itu, diharapkan pihak UA mengguna pakai dan mengemaskini Bidang NEC yang terkini di dalam setiap permohonan untuk pertimbangan Mesyuarat JKPT selaras dengan pemakluman tersebut.

**SENARAI PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI AWAM BERDASARKAN KATEGORI PENENTUAN
PEMUTIHAN PROGRAM AKADEMIK**

UNIVERSITI: _____
(Sila gunakan Ms Excel. UA dipohon supaya tidak mengubah *template* ini)

Bil.	Kategori Pemutihan (1/2/3)	Peringkat MQF	Nama Program	Lokasi	Jam Kredit	Tempoh pengajian	Mod Pengajian	Sesi Penawaran Pertama	Sesi Penawaran Terakhir	Status Semasa (Aktif/ Tidak Aktif)	Bilangan Graduan 2014 - 2021	Catatan
1.												

Kategori Penentuan Pemutihan Program Akademik:

PERKARA	KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3
Kewujudan kelulusan penawaran program akademik oleh JKPT	Tiada	Tiada	Tiada
Kewujudan kelulusan semakan kurikulum oleh JKPT	Tiada	Tiada	Ada

PERKARA	KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3
Kewujudan kelulusan Senat, Statut atau pembuktian kelulusan penawaran program akademik oleh pihak berkuasa pelulus program akademik peringkat UA yang terdahulu	Ada	Tiada	Ada/Tiada
Tindakan yang UA dengan JKPT Dokumen yang perlu dilampirkan	- Memohon pemutihan program akademik dengan JKPT - Salinan kelulusan terdahulu oleh Senat, Statut atau pihak berkuasa pelulus program akademik tersebut di peringkat UA	- Mendapatkan kelulusan daripada Senat semasa - Memohon pemutihan program akademik dengan JKPT - Salinan surat kelulusan Senat terkini	- Jika tiada kelulusan terdahulu Senat, maka UA perlu mendapatkan kelulusan terkini daripada Senat - Memohon pemutihan program akademik dengan JKPT - Salinan surat kelulusan semakan kurikulum oleh JKPT - Salinan surat kelulusan Senat terdahulu atau terkini
Tindakan UA dengan pihak MQA	Dengan menggunakan surat kelulusan terdahulu Senat, Statut dan pihak berkuasa pelulus program, UA perlu: - Memohon PA dan seterusnya FA - Memohon pendaftaran dalam MQR (bagi UA Swaakreditasi)	Dengan menggunakan surat kelulusan terkini Senat, Statut dan pihak berkuasa pelulus program, UA perlu: - Memohon PA dan seterusnya FA - Memohon pendaftaran dalam MQR (bagi UA Swaakreditasi)	Dengan menggunakan surat kelulusan Senat (terdahulu atau terkini), UA perlu: - Memohon PA dan seterusnya FA - Memohon pendaftaran dalam MQR (bagi UA Swaakreditasi)

PERKARA	KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3
	MQR (bagi UA Swaakreditasi) • Memohon kemaskini maklumat dalam MQR	MQR (bagi UA Swaakreditasi) • Memohon kemaskini maklumat dalam MQR	• Memohon kemaskini maklumat dalam MQR
Tindakan UA selepas pemutihan dengan pihak berkepentingan lain (PTPTN, BPPK, badan penaja dan lain-lain)	Mengemukakan surat kelulusan pemutihan oleh JKPT kepada pihak berkepentingan		

** Maklum balas ini hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 6 Oktober 2022 (Khamis)** melalui emel chandra.mohgan@mohe.gov.my dan aznidawaty@mohe.gov.my.

** Sila rujuk surat edaran JPT(A) 1000/013/013/02 Jld. 22 (52) bertarikh 25 April 2018 bagi penerangan lanjut berhubung proses pemutihan program akademik.